

## Hari Ini Buat Apa? (Tadika 2 Buku Besar 15 ‘Tolong Fiko!’)

### **Gambaran Keseluruhan:**

Menggunakan aktiviti kraf untuk memperkenalkan jadual peribadi harian kepada kanak-kanak.

### **Matlamat Pembelajaran:**

1. mempunyai minat untuk mempelajari Bahasa Melayu
2. membina kemahiran asas bahasa dan literasi

### **Objektif Pengajaran:**

Kanak-kanak akan berpeluang untuk:

1. mengambil bahagian secara aktif dalam aktiviti ‘Hari Ini Buat Apa?’
2. memahami arahan guru semasa melakukan aktiviti ‘Hari Ini Buat Apa?’ tentang jadual peribadi harian

#### **\* Aktiviti Induksi**

*Guru:*

- mengajak kanak-kanak untuk menyebut perkataan-perkataan dalam lagu ‘Ke Sekolah’
- menunjukkan aksi yang sesuai berdasarkan lirik lagu
- mengajak kanak-kanak untuk menyanyi serta melakukan aksi lagu bersama guru



#### Lirik lagu ‘Ke Sekolah’

Ke sekolah, ke sekolah Mari kita ke sekolah	Ke sekolah, ke sekolah Mari kita ke sekolah
Bawa pensel, bawa buku Sama-sama cari ilmu	Jumpa kawan, jumpa guru Tepuk tangan, nyanyi lagu

*\* Guru memulakan aktiviti ‘Hari Ini Buat Apa?’ bersama kanak-kanak setelah menjalankan aktiviti induksi.*

## **#1 Memilih aktiviti kraf yang sesuai dan menyiapkan bahan-bahan**

- Guru memastikan aktiviti kraf yang dipilih berkaitan dengan tema.
- Guru menyiapkan bahan-bahan yang diperlukan untuk menjalankan aktiviti kraf.



*Guru menyiapkan bahan-bahan yang diperlukan untuk menjalankan aktiviti kraf.*

## **#2 Menunjukkan sampel kraf yang ingin dihasilkan dan menyebut perkataan-perkataan baharu**

- Guru menunjukkan sampel kraf dan menyebut perkataan-perkataan baharu seperti contoh: pagi, petang, malam dll.
- Guru mengajak kanak-kanak mengulang perkataan-perkataan baharu.




*Guru menunjukkan sampel kraf.*

### **#3 Memberikan bahan-bahan yang telah disiapkan**

- Guru memberikan kertas saiz A4 kepada setiap kanak-kanak.
- Guru mula menunjukkan kepada kanak-kanak langkah-langkah untuk melipat kertas supaya menjadi jadual peribadi harian.
- Guru mengajak kanak-kanak untuk melukis aktiviti pada bahagian pagi, petang dan malam.
- Guru menggalakkan kanak-kanak menghias jadual peribadi harian yang sudah siap dilipat.

### **#4 Menggalakkan kanak-kanak untuk berkongsi kraf yang telah dihasilkan**

- Guru meminta kanak-kanak untuk berkongsi jadual peribadi harian yang telah dihasilkan.
- Guru mengajak kanak-kanak menceritakan jadual peribadi harian mereka.
- Guru menggunakan teknik penyoalan dialogik untuk merangsang perbualan kanak-kanak.



*Langkah-langkah untuk melipat kertas supaya menjadi jadual peribadi harian.*